

## GFM dapat kontrak RM33.4 juta daripada PERKESO

Tarikh kemaskini: 13/06/2018



Pengarah Urusan GFM, Ruslan Nordin

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- GFM Services Bhd telah mendapat kontrak bernilai RM33.4 juta daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membabitkan perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu (FM) bagi Pusat Pemulihan di Melaka melalui satu tender terbuka.

Kontrak itu merangkumi tempoh empat tahun, bermula Jun 2018 hingga Jun 2022.

"Kontrak tersebut akan mengukuhkan lagi hubungan jangka panjang dengan PERKESO, memandangkan kami telah menyediakan perkhidmatan FM bagi Pusat Pemulihan PERKESO sejak 2014. Dengan ini, kami akan terus memberikan perkhidmatan FM untuk selama empat tahun," kata Pengarah Urusan GFM, Ruslan Nordin dalam satu kenyataan.

Kontrak itu dijangka akan menyumbang secara positif kepada pendapatan GFM untuk tempoh empat tahun lagi. Dengan kontrak ini, tempahan dalam tangan kumpulan berkenaan akan dipertingkatkan kepada RM321.4 juta.